Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN CEK MOTOROLA-MULTIMEDIA UNIVERSITY SELAKU CANSELOR, MULTIMEDIA UNIVERSITY
Lokasi : CYBERVIEW LODGE, CYBERJAYA
Tarikh : 13-03-2001

Terlebih dahulu di pagi yang berbahagia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Motorola dan Universiti Multimedia yang sudi mengundang saya sebagai tetamu kehormat di Majlis ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan memberi penghormatan kepada Motorola yang begitu prihatin terhadap pembangunan tenaga manusia negara selama 28 tahun dan usaha ini berterusan hingga kini. Saya turut berbangga mendengar ucapan Dato' Ramli seketika tadi bahawa komitmen Motorola telah membawa kepada kejayaan anak bangsa kita dengan begitu cemerlang sekali sehingga mereka "are making their mark" di operasi-operasi Motorola di merata dunia.

3. Anak bangsa Malaysia memang berbakat tinggi dan mempunyai semangat serta keupayaan menerap teknologi dan ilmu baru, terutamanya dalam teknologi maklumat dan multimedia yang kian mencabar dan penting dalam hidup seharian dan ekonomi negara serta di ekonomi dunia.

4. Usaha murni Motorola Malaysia membantu negara menyediakan HRDnya menangani cabaran alaf baru di mana perkembangan ekonomi akan berasaskan kepada ilmu terserlah dengan inisiatifnya menajakan "Chair of Knowledge Management" di Fakulti Multimedia Kreatif, di kampus MMU di Cyberjaya. Kerusi pengurusan pengetahuan memang telah sedia wujud di beberapa universiti, tetapi yang berdasar kepada bidang multimedia seperti yang kini di bangunkan bersama MMU dan Motorola adalah yang terulung di dunia.

5. Komitmen berterusan Motorola dalam membantu universiti-universiti tempatan akan dibuktikan sebentar lagi dimana syarikat ini, menerusi Motorola Foundation, akan menyumbang AS$98,000 untuk aktiviti perkembangan pengajian MMU di peringkat pengajian sarjana muda dan sarjana serta kedoktoran, termasuk keperluan peralatan R&D.

6. Sayugia ini, seperti yang saya sentiasa ingatkan bahawa tanggungjawab menyediakan kemudahan pengajian tinggi bertaraf antarabangsa kepada sebanyak golongan rakyat di negara (yang mungkin) bukanlah terletak di bahu universiti-universiti, mahupun Kerajaan semata- mata tetapi pihak swasta, terutamanya syarikat-syarikat multinasional dan syarikat gergasi tempatan harus juga sama - sama memikul tanggungjawab ini.

7. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa Alhamdullilah, kita telah mendapat sokongan pihak swasta yang amat menggalakkan. Kini dengan terjalinnya kerjasama dan bantuan beberapa syarikat terkemuka antarabangsa dan juga dari Malaysia telah membolehkan MMU memperolehi 21 pusat kecemerlangan atau lebih dikenali sebagai Centres of Excellence yang menumpu kepada R&D dalam pelbagai bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan multimedia. Ini telah membawa faedah yang amat besar kepada pelajar-pelajar universiti dan membawa kepada kejayaan matlamat MMU untuk menjadi sebuah K-era universiti dalam erti-kata sebenarnya. Walau bagaimanapun masih banyak lagi yang harus kita usahakan supaya MMU dapat mengambil tempatnya di gelanggang institusi pengajian tinggi antarabangsa sebagai satu-satunya universiti K-era yang terunggul di dunia.

8. Sehubungan dengan itu, saya berharap dan menggalakkan supaya penglibatan Motorola dengan MMU akan dapat berterusan dan bertambah erat di masa-masa akan datang. Dengan kerjasama yang erat dan utuh kita boleh berganding usaha ke arah pembentukan satu budaya intensif ilmu di mana mahasiswa-mahasiswi / pelajar- pelajar serta tenaga manusia negara akan terdorong dan bersemangat untuk terus memperolehi ilmu, menambah kemahiran dan kepakaran, serta memperolehi keupayaan dan kebolehan baru.

9. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Motorola atas sumbangan dananya kepada

MMU pada pagi ini. Sumbangan tersebut pastinya akan membantu usaha kita dalam memantapkan lagi usaha - usaha perkembangan prasarana dan teknologi dalam pendidikan pelajar-pelajar di MMU, Insya-Allah.